

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN KERJA-KERJA SELENGGARA LANDSKAP DI GALERI SULTAN AZLAN SHAH, KUALA KANGSAR

LMNP/SH/16/2025

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang masih sah berkuatkuasa untuk menyertai sebut harga berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang	Tarikh, Masa dan Tempat Taklimat	Tarikh Tutup
LMNP/SH/16/2025	Perkhidmatan Kerja-kerja Selenggara Landskap di Galeri Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar	221002 & 221003	Tarikh: 12 Disember 2025 (Jumaat) (Lawatan tapak adalah wajib) Masa: 10.30 pagi Tempat: Galeri Sultan Azlan Shah	18 Disember 2025 (Khamis)


2. Untuk makluman, tuan/puan boleh mendapatkan iklan sebut harga berkenaan melalui Portal Rasmi Lembaga Muzium Negeri Perak di alamat <http://muzium.perak.gov.my>. Dokumen sebut harga akan dihantar melalui e-mel syarikat yang aktif bermula pada **12 Disember 2025 (Jumaat) hingga 17 Disember 2025 (Rabu)** pada waktu pejabat dari jam **8.00 pagi hingga 4.30 petang**. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan, pihak tuan / puan boleh menghubungi Y.M Raja Zainurainy binti Raja Ali di talian 05-7760546 atau melalui e-mel rajaainy@perak.gov.my.
3. Dokumen sebut harga dikeluarkan kepada pembekal yang sah dengan mengemukakan **Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran Kewangan (kod bidang yang berkaitan) dengan Kementerian Kewangan Malaysia**. Dokumen sebut harga diberikan secara percuma.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ditulis nombor sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dialamatkan kepada:

**PENGARAH
LEMBAGA MUZIUM NEGERI PERAK
MUZIUM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH
PERAK**

pada atau sebelum **18 Disember 2025 (Khamis) tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari**. Dokumen sebut harga yang dikemukakan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

5. Lembaga Muzium Negeri Perak tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.



**Pengarah
Lembaga Muzium Negeri Perak**

5 Disember 2025